

Peranan Komunikasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat dalam Kehidupan Sehari-hari Belia: Kajian terhadap Fungsi Personal, Interaksional, dan Informasi

The Role of Communication and the Use of Information Technology in the Daily Lives of Youth: A Study of Personal, Interactional, and Information Functions

¹Nur Syuhada Mokhzan

¹Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES),
Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Aras 10, Menara KBS, 62570, Putrajaya

Correspondence email: syuhada.mokhzan@yahoo.com

ABSTRAK

Komunikasi dan penggunaan teknologi maklumat merupakan kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh semua individu tanpa mengira latar belakang, kerana ia menjadi asas kepada hubungan yang melibatkan proses penyampaian dan penerimaan informasi. Keberkesanan komunikasi dan penggunaan teknologi maklumat ditentukan oleh beberapa faktor, termasuk informasi yang disampaikan, pengetahuan, sikap, serta keadaan fizikal dan sosial. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kemahiran komunikasi dan fungsi komunikasi dalam kalangan belia yang berumur 20 – 25 tahun di Bangi serta hubungannya dengan kesejahteraan hidup mereka dalam aspek ekonomi, kesihatan, dan pendidikan. Kajian ini turut menggunakan instrumen dari Armstrong's Interpersonal Communication Inventory, yang terdiri daripada 52 item penilaian sendiri dengan nilai kebolehpercayaan 0.89 sebagai pengukuran hasil dapatan kajian. Hasil analisis menunjukkan bahawa 55.3% daripada responden mempunyai tahap komunikasi sederhana, manakala 44.7% berada pada tahap tinggi. Fungsi komunikasi belia dibahagikan kepada empat kategori utama: personal, instrumental, interaksional, dan informasi, dengan min antara 2.80 hingga 3.13. Ini menunjukkan bahawa belia menggunakan komunikasi untuk tujuan personal, penyampaian informasi, hubungan sosial, dan instrumental. Kajian ini menekankan pentingnya meningkatkan kemahiran komunikasi di kalangan belia untuk memperbaiki kualiti hidup mereka, khususnya dalam konteks masyarakat.

Kata Kunci: Kemahiran komunikasi, Belia, Kesejahteraan hidup, Fungsi komunikasi, Komuniti sosioekonomi rendah

ABSTRACT

Communication and the use of information technology are essential skills that need to be mastered by all individuals, regardless of their background, as they form the basis of relationships involving the process of transmitting and receiving information. The effectiveness of communication and information technology usage is determined by several factors, including the information conveyed, knowledge, attitudes, as well as physical and social conditions. This study aims to examine the level of communication skills and the functions of communication among youth aged 20-25 in Bangi, and its relationship to their well-being in terms of economy, health, and education. The study utilized Armstrong's Interpersonal Communication Inventory, which consists of 52 self-assessment items with a reliability value of 0.89, as the measurement tool. The analysis results indicate that 55.3% of respondents

have a moderate level of communication skills, while 44.7% are at a high level. The communication functions of youth are categorized into four main areas: personal, instrumental, interactional, and informational, with means ranging from 2.80 to 3.13. This shows that youth use communication for personal purposes, information sharing, social relationships, and instrumental objectives. This study emphasizes the importance of enhancing communication skills among youth to improve their quality of life, particularly within the community context.

Keywords: *Communication skills, Youth, Well-being, Communication function, Low socioeconomic community.*

1. Pengenalan

Teknologi maklumat dan medium komunikasi kini memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan seharian masyarakat, membantu menyelesaikan pelbagai masalah dengan lebih pantas dan efisien (Sohana, 2016). Di samping itu, teknologi ini turut berperanan penting dalam penyampaian komunikasi, yang merupakan elemen asas dalam kehidupan individu tanpa mengira usia atau status sosioekonomi (Ainon & Hassan, 2010). Komunikasi merupakan proses penyampaian maklumat, idea, atau perasaan antara individu atau kumpulan melalui bahasa, isyarat, atau media lain, di mana mesej disampaikan dari penghantar kepada penerima dengan matlamat untuk difahami atau ditindak balas (Suranto 2011). Komunikasi boleh berlaku secara lisan, bertulis, visual, atau bukan lisan seperti bahasa tubuh (Nordin et.al., 2017). Proses komunikasi yang berkesan memerlukan pemahaman bersama antara penghantar dan penerima serta penyelesaian masalah dalam pelbagai konteks sosial, profesional, dan budaya (Azlina 2010).

Hasil dapatan kajian daripada Munohsamy & Thulasimani (2014) menyatakan bahawa belia sering menghadapi pelbagai cabaran seperti akses terhad kepada pendidikan berkualiti, kekurangan peluang ekonomi dan keadaan sosioekonomi yang rendah. Perkara ini disokong oleh hasil dapatan kajian daripada Tymon & Thomas (2015) yang menyatakan bahawa kemahiran komunikasi yang lemah boleh memburukkan lagi keadaan ini kerana komunikasi yang berkesan adalah kunci kepada penyelesaian masalah, peningkatan diri, dan penambahbaikan hubungan sosial serta ekonomi. Selain itu, penguasaan teknologi maklumat dalam medium komunikasi dapat membantu golongan belia menghadapi cabaran ini dan memaksimumkan potensi mereka dalam pelbagai aspek kehidupan (Umaraziz & Azmi 2022). Namun, perbincangan ilmiah mengenai topik ini masih terhad dan kajian mendalam tentang tahap kemahiran komunikasi, terutamanya dalam kalangan belia, masih kurang.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan belia di Bangi, Selangor, serta melihat bagaimana kemahiran ini memainkan peranan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Objektif utama kajian ini adalah untuk memahami fungsi komunikasi yang digunakan oleh belia, termasuk aspek komunikasi personal, interaksional, instrumental, dan penyampaian maklumat. Selain itu, kajian ini juga ingin menilai sama ada komunikasi yang berkesan dapat menjadi pemangkin kepada peningkatan taraf hidup belia, terutamanya dalam aspek ekonomi, pendidikan, dan kesihatan.

Kepentingan kajian ini terletak pada sumbangannya kepada pemahaman yang lebih baik tentang bagaimana kemahiran komunikasi boleh meningkatkan kesejahteraan belia. Dengan mempertingkatkan kemahiran komunikasi, belia dalam komuniti ini dapat lebih berdaya saing dalam pasaran kerja, memperbaiki hubungan sosial, dan mengambil peluang yang ada untuk

meningkatkan taraf kehidupan mereka. Hasil kajian ini juga dapat digunakan sebagai asas kepada program intervensi dan pembangunan yang bertujuan memperkasakan belia, membantu mereka mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi, serta memperbaiki kualiti hidup masyarakat secara keseluruhan.

2. Tinjauan Literatur

2.1 *Pengertian Komunikasi*

Helmi & Ilhaamie (2017) mendefinisikan komunikasi sebagai satu dasar untuk permulaan dan pembangunan sesuatu hubungan antara penghantar (permulaan dalam proses komunikasi.) dan penerima (menerima dan mentafsir mesej yang telah disampaikan oleh penghantar). Komunikasi juga boleh bertujuan untuk menunjukkan ketidakfahaman, perubahan sikap, pendapat, perilaku ataupun perubahan secara sosial (Huda, M Nurul, 2013). Oleh itu komunikasi adalah bertujuan untuk menyampaikan sesuatu informasi atau maklumat yang memberikan kefahaman, lambang dan pengertian daripada pihak penghantar kepada pihak penerima. Komunikasi juga terjadi secara horizontal (komunikasi antara orang-orang yang mempunyai kedudukan sama) dan vertikal (komunikasi antara orang-orang yang mempunyai tingkat kedudukan yang berbeza) (McBain et al, 2016).

2.2 *Jenis-Jenis dan Kategori Komunikasi*

Damayani & Ulfi Sayyidatul (2021) mengkategorikan komunikasi kepada enam jenis berdasarkan tujuan komunikasi. Pertama, komunikasi berdasarkan penyampaian terbahagi kepada dua jenis, iaitu komunikasi verbal (lisan) dan komunikasi nonverbal (tertulis). Komunikasi verbal melibatkan pertemuan fizikal di mana penghantar dan penerima dapat bertatap muka, atau berlaku secara tidak langsung melalui media seperti telefon, Google Meet, dan Zoom. Sebaliknya, komunikasi nonverbal disampaikan melalui penulisan, lukisan, gambar, atau kalimat.

Kedua, komunikasi berdasarkan tingkah laku atau perbuatan terbahagi kepada komunikasi formal dan tidak formal. Komunikasi formal berlaku dalam majlis atau situasi dengan tata cara khusus seperti seminar atau mesyuarat, manakala komunikasi tidak formal berlaku dalam suasana yang lebih santai, seperti majlis hari raya atau ulang tahun yang tidak mengikut protokol tertentu.

Ketiga, komunikasi berdasarkan kelangsungannya terbahagi kepada komunikasi langsung dan komunikasi tidak langsung. Komunikasi langsung berlaku tanpa perantara, membolehkan interaksi tanpa jarak, sementara komunikasi tidak langsung memerlukan perantara, seperti media komunikasi (telefon, media sosial) atau pihak ketiga untuk menyampaikan maklumat.

Keempat, komunikasi berdasarkan maksud komunikasi meliputi berpidato, memberi ceramah, temubual, dan memberi arahan. Kelima, komunikasi berdasarkan ruang lingkup dibahagikan kepada komunikasi vertikal dan komunikasi horizontal. Komunikasi vertikal berlaku antara individu dengan kedudukan berbeza, seperti komunikasi dari pemimpin kepada bawahan, manakala komunikasi horizontal berlaku antara individu dengan kedudukan setaraf, seperti rakan sekerja.

Akhir sekali, **komunikasi eksternal** berlaku apabila organisasi menyampaikan maklumat kepada masyarakat, contohnya melalui pameran, promosi, atau siaran media, seperti siaran televisyen dan radio. Sebagai contoh, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Kangar sering mengadakan pameran dan menyediakan maklumat kepada masyarakat mengenai penyalahgunaan dadah.

Laajahlahti (2014) turut menegaskan kepentingan **komunikasi bukan lisan**, yang melibatkan gerak-geri (gesture) dan riak muka (facial expression). Ini termasuk mesej yang disampaikan melalui bahasa tubuh, seperti kerap mengedipkan mata yang menunjukkan kebimbangan, mata terbuka luas yang menunjukkan kebingungan atau kemarahan, dan mengekalkan tentangan mata yang menunjukkan minat serta keyakinan. Contoh lain adalah menggosok telapak tangan yang menandakan harapan positif, manakala meletakkan tangan di pinggang boleh menandakan sikap agresif atau tidak menyenangkan.

2.3 Komunikasi Berkesan

Aspek yang perlu diberi perhatian dalam proses berkomunikasi adalah memastikan komunikasi yang dilakukan berkesan atau efektif. Komunikasi yang berkesan adalah apabila mesej yang disampaikan oleh penghantar itu difahami sepenuhnya oleh penerima (Mat Din, 2007). Menurut Amir Aris & Ahmad Rozelan Yunus (2016), komunikasi yang berkesan adalah komunikasi yang mempunyai empat ciri. Pertama adalah kefahaman. Adalah sangat penting mesej yang disampaikan semasa berkomunikasi difahami penerima seperti yang dimaksudkan oleh penghantar mesej kerana sekiranya mesej yang diterima tidak difahami atau disalahertikan, maka tindakan susulan yang akan diambil tidak tepat. Salah faham juga boleh mengakibatkan tindak balas yang negatif. Untuk saling faham memahami, maka kedua-dua penghantar dan penerima mesej perlulah menggunakan bahasa serta laras bahasa yang sama. Konteks pemikiran juga perlu sama.

Kedua, keseronokan. Apa yang dimaksudkan dengan keseronokan dalam berkomunikasi adalah konteks atau keadaan di mana komunikasi itu sedang berlaku. Komunikasi boleh berlaku dalam konteks rasmi@formal atau tidak rasmi@tidak formal dan keseronokan wujud di dalam kedua-dua konteks ini apabila kedua-dua pihak yang sedang berkomunikasi merasa seronok dengan tajuk yang dibicarakan atau dibincangkan. Ini bermaksud wujudnya hubungan dua hala. Sekiranya salah seorang daripada mereka tidak merasa keseronokan semasa berkomunikasi, maka komunikasi akan menjadi proses sehalu dan mungkin terhenti. Maka komunikasi menjadi tidak berkesan.

Ketiga, menjaga kepercayaan sasaran. Ini bermaksud penyampai maklumat perlu mendapatkan kepercayaan (*gain trust*) dengan memastikan maklumat atau mesej yang disampaikan itu boleh dipercayai oleh penerima. Kepercayaan dalam konteks ini bukan merangkumi maklumat atau mesej rasmi sahaja. Walaupun apa yang hendak disampaikan adalah satu gurauan, penerima faham dan percaya maklumat atau mesej itu adalah satu gurauan. Kepercayaan ini juga akan menentukan komunikasi berkesan dua hala berlaku.

Ciri akhir komunikasi berkesan adalah wujudnya tindakan yang menyusuli. Lazimnya, penghantar maklumat atau mesej mengharap tindakan atau maklumbalas daripada penerima; terutamanya jika tindakan yang diambil itu adalah pengukur kepada berjaya atau tidaknya

maklumat atau mesej yang disampaikan difahami dan diterima oleh penerima. Misalnya, jika satu arahan disampaikan dalam proses berkomunikasi, maka hasil arahan itu adalah tindakan yang perlu diambil. Jika tindakan yang diambil tidak bertepatan seperti yang diarah, maka komunikasi dianggap tidak berkesan.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan adalah kajian yang berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang (cross-sectional survey). Kajian yang dilakukan ini melibatkan 123 belia yang berumur antara 20 hingga 25 tahun iaitu merupakan belia yang berstatus pelajar dan tidak mempunyai pendapatan di kawasan Bangi. Mereka telah dikenalpasti secara rawak. Kajian ini turut menggunakan instrumen dari Armstrong's *Interpersonal Communication Inventory*, yang terdiri daripada 52 item penilaian sendiri dengan nilai kebolehppercayaan 0.89. Data yang telah diperolehi daripada borang soal selidik responden diproses dengan menggunakan program *Statistical Package of Science Social* (SPSS). Data dalam kajian ini termasuklah data ordinal, nominal dan ratio yang digunakan untuk mengukur pembolehubah – pembolehubah yang terdapat dalam kajian ini. Selain itu, terdapat dua jenis analisis statistik yang digunakan dalam kajian ini iaitu analisis deskriptif, analisis inferensi (Korelasi – Pearson).

4.0 Hasil Dapatan Kajian

4.1 Latar Belakang Responden Kajian

Analisis taburan latar belakang responden kajian terhadap 123 orang responden: Umur responden kajian menunjukkan majoriti dalam kajian ini terdiri daripada belia yang berusia 21 hingga 23 tahun, iaitu seramai 78 orang. Manakala, umur 19 hingga 21 tahun pula mencatatkan jumlah kedua tertinggi dengan 43 orang responden. Seterusnya, terdapat seorang responden berusia 23 hingga 25 tahun, dan seorang lagi berusia 25 tahun ke atas. Dari segi jantina, responden perempuan merangkumi 95 orang manakala responden lelaki berjumlah 28 orang. Kesemua responden kajian terdiri daripada pelajar sepenuh masa dan tidak mempunyai pendapatan.

4.2 Komunikasi Dan Teknologi


Dalam era dunia sekarang yang tiada sempadan, semua aspek kehidupan termasuk komunikasi melibatkan penggunaan teknologi. Teknologi juga membolehkan manusia berhubungan atau berkomunikasi tanpa mengira jarak, tempat dan masa. Teknologi juga tidak mengira siapa penggunanya (Thah, 2014). Ini bermakna, pengaruh teknologi dalam kehidupan manusia tidak mengira tahap atau status pendidikan atau status pendapatan isi rumah (McCroskey, 2010). Komunikasi dan teknologi juga bergerak seiringan demi membantu dalam penyampaian maklumat daripada seorang individu kepada individu yang lain (Burg, N. 2013). Menurut Shafrin (2009) teknologi dalam aspek komunikasi juga mampu mengubah cara organisasi menjalankan perhubungan awam dan pemasaran, termasuk cara mereka berinteraksi dengan

media dan pihak berkepentingan. Harankhedkar (2011) pula berpendapat bahawa teknologi dalam komunikasi dapat meningkatkan produktiviti, strategi pemasaran, perhubungan awam serta komunikasi interpersonal dalam kalangan masyarakat tanpa mengira kedudukan atau jarak seseorang individu dengan individu yang lain.

Terdapat pelbagai kaedah atau bentuk teknologi dalam berkomunikasi. Menurut Buse, C. (2009), terdapat tiga teknologi yang digunakan ketika ini sebagai medium menyampaikan maklumat secara formal dan tidak formal iaitu telefon bimbit, blog dan email. Manakala, Ismawati (2021) pula berpendapat bahawa *google meet* dan *zoom meeting* merupakan antara medium penyampaian maklumat secara formal yang digunakan oleh masyarakat untuk panggilan video secara percuma dan medium ini sering digunakan oleh pihak institusi untuk mesyuarat dan untuk mengadakan program serta kelas pengajaran semasa pandemik COVID -19 sehingga sekarang. Seterusnya, menurut Handayani et al. (2020), interaksi sosial yang melibatkan perbualan harian sering digunakan dalam medium media massa seperti facebook, instagram, Tik tok dan lain – lain medium media sosial juga dapat disimpulkan sebagai medium komunikasi.

A. Telefon Bimbit

Telefon bimbit merupakan satu aplikasi yang membantu untuk berkomunikasi dengan cepat dan tidak dihalang oleh perbezaan lokasi seseorang individu. Telefon bimbit dilengkapi dengan pelbagai fungsi antaranya ialah dapat menerima dan membuat panggilan suara serta panggilan video, menghantar dan menerima mesej daripada seorang individu kepada individu yang lain. Selanjutnya, telefon bimbit juga dilengkapi dengan rangkaian internet yang dapat membantu pengguna untuk mengakses e-mel, whatsapp, facebook, instagram, dan lain-lain (Abaido & Messiry 2016).




Sumber: <https://faq.whatsapp.com/668538004658079>

Rajah 1: Aplikasi Whatapp

B. Blog / Facebook/ Instagram atau Tik tok

Blog, Facebook, Intragram dan Tiktok telah mendapat populariti sebagai kaedah komunikasi yang berkesan dan medium perbualan harian yang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, medium ini juga giat digunakan dalam konteks perniagaan (Hao, & Xuan 2022). Organisasi perniagaan menggunakan blog, Facebook/ Instagram/ Tik tok untuk tujuan pengiklanan perniagaan mereka.




Sumber: <https://www.facebook.com/login.php/>

Rajah 2: Aplikasi Facebook

C. E-mel

Mesej e-mel sering digunakan oleh institusi – institusi untuk menyampaikan mesej kepada seseorang individu secara formal. E-mel menjadi tarikan kepada pengguna kerana penggunaan adalah percuma kerana kebanyakan pembekal menawarkan akaun percuma, cepat dan mudah digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat (Adobe 2019).




Sumber: <https://malaysia.search.yahoo.com/search?fr=mcafee-malaysia&type=E210MY105G0&p=Email>

Rajah 3: Aplikasi E-mail


D. Zoom Meeting dan Google Meet

Zoom Meeting dan *Google Meet* merupakan antara aplikasi meeting secara atas talian yang terkenal di kalangan pengusaha ataupun institusi. Aplikasi ini merupakan satu aplikasi yang percuma dan dapat membantu untuk berkomunikasi walaupun berjauhan (Junita Monica & Dini Fitriawati 2020).



Sumber: <https://www.zoom.com/>

Rajah 4: Medium Zoom Meeting



Sumber: <https://workspace.google.com/>

Rajah 5: Medium Google Meet

4.3 Jurang dan Fungsi Komunikasi dalam Kalangan Belia

Saraswati dan Flor (2015) membuktikan bahawa penggunaan internet merupakan medium komunikasi yang dapat membantu dalam meningkatkan keuntungan ekonomi yang lebih baik. Namun, bagi golongan di luar bandar menurut Park, J. H., & Ahn, T. U. (2016) menyatakan bahawa mereka mempunyai kekangan dari aspek menjana perniagaan mereka melalui penggunaan internet dan corak komunikasi yang kurang menarik untuk menarik perhatian pelanggan berbanding golongan yang tinggal di bandar yang lebih terdedah gaya pemasaran terkini dan mempunyai pengalaman bekerja di industri.

Dari aspek kesihatan juga didapati golongan di kawasan luar bandar kurang pendedahan dan penyampaian maklumat serta kesedaran berkaitan penjagaan kesihatan yang diperolehi adalah kurang daripada golongan di kawasan bandar. Perkara ini disokong Tran, P. et al. (2019) yang menyatakan penyampaian maklumat melalui penggunaan internet bagi golongan belia di kawasan bandar adalah lebih baik dan penyampaian maklumat kepada golongan di bandar lebih mudah diperolehi kerana kebanyakan belia di bandar lebih terdedah dengan kaedah penyampaian maklumat secara visual elektronik. Manakala golongan di kawasan luar bandar hanya memperoleh penyampaian maklumat melalui perbualan harian dan paparan iklan yang berada di kawasan mereka sahaja.


Seterusnya, aspek komunikasi dalam pendidikan dapat disimpulkan bahawa golongan di bandar lebih terdedah dan mudah mendapatkan pendidikan berbanding golongan di kawasan luar bandar. Hal ini kerana penyampaian maklumat dan medium visual elektronik lebih banyak di kawasan bandar berbanding di kawasan luar bandar. Oleh itu, belia di kawasan bandar dilihat lebih banyak peluang untuk mengikuti kelas – kelas secara atas talian dengan mudah berbanding belia di luar bandar (Masayu et al. 2018). Pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh Perintah Kalawan Pengerakan (PKP) juga dilihat belia di kawasan bandar lebih mudah untuk berkomunikasi menggunakan medium elektronik seperti Google Meet berbanding belia B40 yang tinggal di luar bandar yang semestinya menghadapi masalah dalam mengakses internet serta menyebabkan kegagalan komunikasi antara guru dan pelajar (Fairuz 2020).

Berdasarkan beberapakan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan mengenai komunikasi bersemuka atau secara atas talian pada akhir 2000-an. Namun, masih tiada kajian yang memfokuskan kepada penggunaan komunikasi dan teknologi bagi kalangan belia kurang berkemampuan. Sehubungan dengan situasi ini, satu kajian deskriptif telah dilakukan untuk mengenalpasti tahap serta tujuan berkomunikasi dalam kalangan belia kurang berkemampuan. Kajian ini dilakukan di Selangor berdasarkan laporan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (2018) yang menunjukkan Selangor mempunyai kadar peratusan kependudukan tertinggi bagi belia kurang berkemampuan diikuti negeri Perak, Johor, dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Hal ini kerana negeri-negeri ini merupakan tempat tumpuan peluang pekerjaan. Manakala negeri-negeri kecil seperti Perlis dan Melaka menunjukkan kadar peratusan kependudukan belia B40 terendah kerana negeri – negeri ini mempunyai penduduk yang kecil bersesuaian dengan kawasannya. Terdapat beberapa elemen penting dalam komunikasi belia kurang berkemampuan yang perlu diketengahkan terutamanya daripada aspek ekonomi, kesihatan dan pendidikan.

Secara amnya, hasil analisis tahap komunikasi dalam kalangan 123 belia itu menunjukkan tahap sederhana iaitu 55.3% (68/123 orang) dan tinggi iaitu 44.7% (55/123 orang). Ini bermakna komunikasi berlaku pada tahap yang baik. Seterusnya, tujuan utama belia ini

berkomunikasi dalam konteks komuniti dilihat sebagai satu usaha penting dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Aspek yang ditekankan melalui komunikasi ini termasuklah peningkatan dalam bidang ekonomi, kesihatan, dan pendidikan, yang secara tidak langsung memberikan kesan positif kepada kesejahteraan keseluruhan komuniti. Hasil ini mencerminkan pentingnya komunikasi sebagai alat untuk memupuk kerjasama dan pembangunan sosial yang lebih inklusif dalam kalangan belia.

Sementara itu, rajah 6 menunjukkan taburan data berhubung fungsi komunikasi dalam belia yang dicadangkan oleh Laajahlati (2014). Dapatan menunjukkan empat fungsi komunikasi dalam kalangan belia ini iaitu fungsi personal (min = 3.13), instrumental (min=2.80), interaksional (min = 3.0) dan informasi (min = 3.11). Berdasarkan min konstruk, corak fungsi berkomunikasi dalam kalangan belia ini adalah untuk hubungan personal, menyampaikan informasi, hubungan sosial@interaksional dan untuk tujuan instrumental. Hasil dapatan kajian turut menunjukkan bahawa belia lebih cenderung menggunakan komunikasi untuk tujuan hubungan peribadi, seperti menjalin dan memelihara hubungan interpersonal. Selain itu, penyampaian informasi juga merupakan tujuan penting dalam komunikasi mereka, diikuti oleh komunikasi untuk hubungan sosial atau interaksi dengan individu lain dalam masyarakat (Subramanian, 2017). Akhir sekali, komunikasi berfungsi sebagai alat instrumental bagi menyokong pencapaian tujuan praktikal dan objektif tertentu. Secara keseluruhannya, corak komunikasi ini mencerminkan kepentingan hubungan personal dan sosial, di samping penggunaan komunikasi sebagai medium untuk menyampaikan maklumat dan mencapai matlamat tertentu dalam kehidupan harian belia.



Rajah:6 Fungsi Komunikasi

Kajian ini menunjukkan bahawa komunikasi dalam kalangan belia, terutamanya di kawasan bandar, adalah lebih baik berbanding di luar bandar. Golongan belia di bandar lebih terdedah kepada teknologi dan medium komunikasi digital seperti Google Meet, Zoom, dan media sosial, yang membolehkan mereka mengakses pendidikan, maklumat kesihatan, dan peluang ekonomi dengan lebih mudah (Nathalie et.al., 2013). Sebaliknya, golongan belia di luar bandar menghadapi kekangan dari segi akses kepada teknologi dan internet, menjadikan mereka kurang terdedah kepada maklumat terkini. Ini menyebabkan jurang komunikasi dan peluang antara kedua-dua golongan tersebut (Lakshmana G et.al.,2017).

Selain itu, hasil analisis menunjukkan bahawa komunikasi dalam kalangan belia pada umumnya berada pada tahap yang baik. Ini dibuktikan dengan 44.7% responden menunjukkan tahap komunikasi yang tinggi. Keperluan untuk komunikasi dalam konteks diukur berdasarkan tiga aspek utama: ekonomi, kesihatan, dan pendidikan. Keempat-empat fungsi komunikasi yang dinyatakan, iaitu personal, instrumental, interaksional, dan informasi, membuktikan bahawa komunikasi dalam kalangan belia adalah penting untuk membina hubungan sosial, menyampaikan maklumat, serta mencapai objektif peribadi dan kolektif dalam komuniti mereka.

5. Kesimpulan

Kajian ini telah memberikan pemahaman mendalam mengenai komunikasi, jenis-jenisnya, dan impaknya terhadap kehidupan harian, terutama dalam kalangan komuniti. Kajian ini turut memberikan gambaran yang jelas tentang peranan komunikasi dalam meningkatkan kesejahteraan belia kurang berkemampuan terutamanya di kawasan bandar. Golongan belia di bandar lebih mudah mengakses teknologi dan platform komunikasi digital, seperti Google Meet, Zoom, dan media sosial, yang membolehkan mereka memperoleh maklumat mengenai pendidikan, kesihatan, dan peluang ekonomi dengan lebih mudah. Sebaliknya, golongan belia di luar bandar menghadapi cabaran besar dalam mengakses teknologi dan internet, menyebabkan mereka kurang terdedah kepada maklumat penting dan peluang yang ada. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tahap komunikasi dalam kalangan belia secara keseluruhan adalah baik, dengan fungsi komunikasi yang merangkumi hubungan peribadi, sosial, dan penyampaian maklumat. Ini menunjukkan bahawa komunikasi yang berkesan adalah kunci untuk memperkasakan belia, membantu mereka mengatasi cabaran sosioekonomi dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat memperkukuhkan lagi komunikasi dalam kalangan golongan belia kurang berkemampuan, yang seterusnya dapat memperbaiki hubungan sosial dalam komuniti dan memudahkan penyampaian maklumat penting berkaitan kesihatan, pendidikan, serta peluang pekerjaan. Dengan meningkatkan kemahiran komunikasi, golongan ini diharapkan dapat mengakses maklumat dengan lebih mudah, mengurangkan jurang digital, dan membuka peluang untuk mereka lebih aktif dalam pembangunan masyarakat. Kepentingan kajian ini adalah untuk memberikan manfaat kepada komuniti dengan membentuk sebuah masyarakat yang lebih inklusif dan seimbang, di mana setiap lapisan masyarakat, khususnya golongan belia kurang berkemampuan, dapat menikmati akses yang setara kepada maklumat dan peluang yang tersedia.

Rujukan

- Abaido, G., & El-Messiry, H. (2016). Efficiency of WhatsApp as a means of disseminating educational information. *IT & Knowledge Excellence*, 5(2), 1-5.
- Abdul Mu'ati Ahmad. (2006). *Komunikasi Di Tempat Kerja*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abdullah, N. H. (2007). *Penguasaan Kemahiran Insaniah dalam Membangunkan Modal Insan Melalui Aktiviti Kokurikulum di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

- Adobe (2019). *Email usage - Working age knowledge workers (US trended)*
- Ainon Mohammad & Abdullah Hassan. (2010). *Komunikasi Berkesan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Amir Aris & Ahmad Rozelan Yunus (2016). *Komunikasi Berkesan*.
<https://www.researchgate.net/publication/308414649>
- Armstrong, B. K. (1981). The interpersonal communication inventory: A measure of social skills. (Tesis Doktor Falsafah, University of North Texas).
- Bakar, Muhammad Umarazizi; Jasmi, Kamarul Azmi. (2022). *Pengaruh Faktor Teknologi Maklumat dan Komunikasi Terhadap Kualiti Hidup dalam Kalangan Belia*. Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan (SFST), 4(1),417-421.
- Burg, N. (2013). Bagaimana Teknologi telah Mengubah Komunikasi Tempat Kerja, <http://www.forbes.com/sites/unify/2013/12/10/how-technology-haschanged-workplace-communication/>.
- Buse, C. (2009) 'When You Retire, does Everything become Leisure? Information and Communication Technology Use and the Work/Leisure Boundary in Retirement', *New Media and Society*, Vol.11, No.7, pp.1143-61.
- Desi Damayani Pohan & Ulfi Sayyidatul Fitria (2017). Jenis Jenis Komunikasi. *Journal Educational Research and Social Studies*. 2(3), 1-9.
- Devito, Joseph. Alih Bahasa oleh Agus Maulana MSM. (2011). *Komunikasi Antara Manusia*. Kharisma Publishing Group. Jakarta
- Handayani, D. S., Hapsari, E. D. and Widyandana, W. (2020) 'Pendidikan Kesehatan Media Sosial Online Berpengaruh Terhadap Pengetahuan Remaja Tentang Premenstrual Syndrome', *Journal of Health Studies*, 4(2), 106–117. doi: 10.31101/jhes.1646.
- Hao, T. J., Chien, K. Y., & Xuan, S. T. Y. (2022). Addiction on TikTok among Young Adults in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(7), 1115-1121. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i7/14127>.
- Harankhedkar, H. (2011). Kesan Teknologi terhadap Komunikasi
<http://www.buzzle.com/articles/impact-of-technology-on-communication.html>
- Helmi Akhtar & Ilhaamie Abdul Ghani Azmi.2017. Komunikasi Kepimpinan Berkesan. *Jurnal Syariah*, 25 (3) 531-562
- Huda, Muh Nurul. (2013). *Komunikasi Pendidikan*. Tulungagung: STAIN Tulungagung Press.
- Ismawati, Dwi & Prasetyo Iis. 2021. Efektivitas Pembelajaran Menggunakan Video Zoom Cloud Meeting pada Anak Usia Dini Era Pandemi Covid-19. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini* 5(1), 1-14.
- Junita Monica, Dini Fitriawati, 2020, Efektivitas Penggunaan Aplikasi Zoom Sebagai Media Pembelajaran Online Pada Mahasiswa Saat Pandemi Covid-19, *Jurnal Communion: Jurnal Ilmu Komunikasi*, Vol.9 No.2.
- Laajahlanti, A. (2014). Interpersonal communication competence and its development in the work of researchers. *Jyvaskyla Studies in Humanities*. Jyvaskyla: Jyvaskyla University Press.
- Lakshmana G, Kasi S, Rehmatulla M. (2017). Internet use among adolescents: Risk-taking behavior, parental supervision, and implications for safety. *Indian J Soc Psychiatry* 2017;33:297-304.
- Maryanti, S., Zikra, & Nurfarhanah. (2012). Hubungan antara Keterampilan Komunikasi dengan Aktivitas Belajar Siswa. *Konselor*, 1(1), 1–9.

- Mat Din, N. A. (2007). Kemahiran Komunikasi Interpersonal Pelajar Kejuruteraan Tahun Akhir Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- McBain, B., Drew, A., James, C., Phelan, L., Harris, K. M., & Archer, J. (2016). Student experience of oral communication assessment tasks online from a multi-disciplinary trial. *Education + Training*, 58(2), 134–149. <https://doi.org/10.1108/ET-10-2014-0124>
- McCroskey, J.C. , Daly J., & Sorenson (2010). Personality correlates of communication apprehension: A research note. *Human Communication Research*. 2(3),376-380
- Mishra, P., & Azeez, A. (2016). Acquisition of Oral Communication Skills in Rural Based Higher Institutions: A Case Study of Tamil Nadu, India. *International Journal of Multidisciplinary Approach and Studies*, 3(2), 55.
- Munohsamy & Thulasimani. (2014). Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan. *Jurnal IPA Bil.23*, 2014. 23. 1.
- Nathalie.S, Nikken.P & Haan. J. D. (2013). Determinants of Internet Mediation. *Journal of Children and Media*, 7(1), 96 – 113.
- Nor Azlina Harun. 2010. Hubungan antara komunikasi dalam organisasi terhadap kepuasan kerja. *Jurnal e-Kemanusiaan*. 1-24.
- Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah & Rahimi Che Aman. (2009). Kemahiran komunikasi guru pelatih Universiti Sains Malaysia. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*.24(1), 125-142.
- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. (2017). *Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab*. UKM, Bangi Selangor
- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. (2017). Komunikasi Bukan Lisan d
- Ranjit, S. M. (2004). Mempertingkatkan Kualiti Peribadi: Menjana Diri untuk Mencapai Prestasi Unggul di Tempat Kerja. Kuala Lumpur.
- Sohana Abdul Hamid. 2016. Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *E-Bangi Journal of Sosial Sciences and Humanities Special Issue (1)*: 214–226.
- Subramanian, K. R. (2017). Influence of social media in interpersonal communication. *International Journal of Scientific Progress and Research*, 38(2), 70-75.
- Suranto A. W. (2011). *Komunikasi Interpersonal*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Suranto A. W. (2011). *Komunikasi Interpersonal*. Yogyakarta: Graha Ilmu
- Thah, S. S. (2014). Leveraging Virtual Learning Environment to Scale Up Quality Teaching and Learning in Malaysia. *Asia-Pacific Collaborative Education Journal*, 10(1), 1–17.
- Thomas, G. F., Tymon, W. G., & Thomas, K. W. (2015). Communication apprehension, interpretive styles, preparation, and performance in oral briefing. *Journal of Business Communication*, 31(4), 311-326.